


WARISAN

WARISAN



*Persatuan Sejarah Malaysia  
Cawangan Negeri Sembilan  
Keluaran 7 1982 / 1983*

**WARISAN**  
**JURNAL PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA CAWANGAN NEGERI SEMBILAN**

**SIDANG PENGARANG WARISAN**

**PENGARANG KEHORMAT**

*Encik Mazlan bin Abdullah, AMN, PJK.*

**PENOLONG PENGARANG**

*Encik Ahmad Kamal bin Marzuki*  
*Encik Ibrahim bin Mustafa*  
*Encik Mohd. Isa bin Mohd. Jadi*

**REKABENTUK**

*Encik Ibrahim bin Jaafar*  
*Encik Sharif bin Abdullah*

**KEWANGAN & PEMASARAN**

*Encik Tan Ghee Peng, AMN.*

Warisan adalah Jurnal tahunan yang diterbitkan oleh Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan. Tujuan penerbitan Jurnal ini ialah untuk memuatkan hasil-hasil penyelidikan dan kajian mengenai bahan-bahan sejarah Negeri Sembilan dari segi sosial, ekonomi dan politiknya.

Segala sumbangan artikel adalah sangat dihargai dan hendaklah dihantar kepada:

*Pengarang Kehormat,*  
*Jurnal Warisan,*  
*Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan,*  
*d/a, Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan,*  
*Seremban,*  
*(Telefon: 73481-73485)*

Pendapat-pendapat dan buah fikiran yang terkandung di dalam artikel-artikel di dalam Jurnal ini tidaklah semestinya merupakan pendapat-pendapat atau buah fikiran Sidang Pengarang atau Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan.

**WARISAN**  
**JURNAL PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA CAWANGAN NEGERI SEMBILAN**  
**Keluaran 7 1982/1983**

**KANDUNGAN**

**MUKA SURAT**

Kata-Kata Aluan Menteri Besar Negeri Sembilan merangkap Yang Di Pertua Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan.	2
Rencana Pengarang	3
Senarai Nama AJK Persatuan Sejarah Malaysia CNS, 1982 – 1983	4
Senarai Nama AJK Kecil Penyelidikan PSM, CNS, 1982 – 1983	5
Senarai Nama AJK Kecil Penerbitan PSM, CNS, 1982 – 1983	5
Kampung Linggi: Beberapa Aspek Mengenai Sistem Perhambanya Dalam Abad Ke 18 dan 19 Johari bin Talib.	6
Dikir Rebana di Rembau Yaakub bin Idrus.	16
Pembentukan Pentadbiran Jelebu – Akhir Abad ke 19 Othman bin Hj. Abu Bakar.	24
Adat Minangkabau Sebelum Zaman Parapatieh: Suatu pengenalan Ringkas Norhalim bin Hj. Ibrahim.	31
Permainan Dam Melayu Ismail bin Abd. Hadi.	43
Jelebu Dalam Sejarah Ibrahim bin Mustafa.	52
Keahlian Tukang-Tukang Melayu Dalam Bidang Seni Bina. Yaakub bin Idrus.	60
Nama Baru Jalan-jalan Bandar Seremban	70
Laporan Tahunan Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan 1982–1983.	73



KATA-KATA ALUAN  
MENTERI BESAR, NEGERI SEMBILAN

Saya mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan tahniah kepada Persatuan Sejarah Negeri Sembilan kerana berjaya menerbitkan majallahnya bagi kali yang ke tujuh.

Saya menaruh harapan semoga usaha murni ini akan berterusan pada setiap tahun dalam usaha memaparkan segala bahan yang berkaitan dengan sejarah negeri ini bagi tatapan rakyat keseluruhannya.

Rencana-rencana serta tulisan-tulisan yang berunsur sejarah ini sudah barang tentu akan memberi menafaat kepada setiap pemilik majallah ini kerana ia akan dapat memberikan gambaran yang secukupnya mengenai peristiwa dan catatan zaman lampau.

Ia juga boleh dijadikan sebagai bahan rujukan yang utama bagi generasi muda dalam usaha menghayati segala catatan-catatan sejarah zaman silam negeri ini.

Selaku Yang Di Pertua Persatuan Sejarah Negeri Sembilan, sukalah saya mengambil kesempatan di sini untuk menggesa para cendiacawan supaya tampil ke hadapan bagi merakamkan segala bahan-bahan sejarah samada dalam rupa bentuk pengalaman, catitan serta memoir untuk terus dihayati oleh golongan muda negeri ini.

Dengan kerjasama yang diberikan oleh golongan ini, tidak syak lagi ia sedikit sebanyak akan membantu Persatuan ini untuk mengumpul sebanyak bahan yang mungkin bagi dimuatkan di dalam majallah seumpama ini bagi penerbitan seterusnya.

Sekali lagi saya mengucapkan syabas kepada persatuan ini di atas daya usaha yang telah diambil untuk mengendalikan penerbitan majallah ini.

Salam takzim.

(DATO' MOHD. ISA BIN DATO' HAJI ABDUL SAMAD)

*Menteri Besar  
Negeri Sembilan.*

SEREMBAN  
15hb. Ogos, 1983.

## RENCANA PENGARANG.

Jurnal WARISAN kali ini terbit lewat sedikit dari jadualnya kerana beberapa sebab yang tidak dapat dielakkan. Sesungguhnya untuk menerbitkan sebuah jurnal yang berunsur sejarah seperti ini terpaksa menghadapi banyak halangan. Tidak ramai golongan cendekiawan dan tokoh sejarah yang mempunyai minat yang mendalam untuk menghasilkan karya sejarah bagi tatapan umum. Bahan-bahan sejarah Negeri Sembilan dari segi sosial, ekonomi dan politiknya masih banyak yang belum dikaji, diusahakan serta dipaparkan kepada masyarakat. Adalah menjadi harapan dan keazaman Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan untuk mengabadikan bahan-bahan sejarah yang banyak terdapat berselerak di seluruh Negeri Sembilan dalam jurnal ini.

Usaha-usaha untuk menerbitkan bahan-bahan sejarah bukan sahaja menjadi tugas tokoh-tokoh sejarah dan golongan cendekiawan tempatan dan tanah air, tetapi juga patut dipupuk dan diperkembangkan bakat penyelidikan dan penulisan ini di kalangan pelajar-pelajar sekolah. Guru-guru sejarah dan guru-guru yang berminat terhadap sejarah boleh memainkan peranan masing-masing. Jika tidak, khazanah-khazanah sejarah tersebut, khususnya sejarah lisan, akan luput dan hilang ditelan zaman yang berkembang pesat, khasnya di zaman sains dan teknologi ini.

Peranan sejarah untuk pembentukan negara dan kemegahan bangsa tidak dapat dinafikan. Dalam keghairahan kita mengejar kemajuan sains dan teknologi, mata pelajaran dan minat terhadap sejarah semakin berkurangan. Menyedari kelemahan ini, Kerajaan Malaysia amnya dan Kerajaan Negeri Sembilan khasnya sedang mengambil langkah-langkah yang konkrit, positif dan berkesan untuk meletakkan sejarah pada perspektif yang betul. Sesuatu bangsa yang lemah ialah bangsa yang tidak mempunyai sejarahnya sendiri yang dapat dibanggakan!. Sikap sensitif terhadap sejarah patut ada pada setiap rakyat negeri ini.

Jurnal Warisan keluaran 7 memuatkan artikel-artikel yang berunsur politik/pentadbiran dan juga kebudayaan/kesenian/sosial. Kepada para penyumbang artikel, Persatuan Sejarah Malaysia Cawangan Negeri Sembilan merakamkan sekalung penghargaan dan terima kasih. Sumbangan mereka adalah amat dihargai dan disanjung tinggi. Untuk membolehkan jurnal ini diterbitkan pada setiap tahun, kami memerlukan sumbangan artikel dari para pembaca, peminat sejarah dan tokoh-tokoh sejarah tempatan dan tanah air.

**Pengarang Kehormat,  
Jurnal WARISAN Keluaran 7 1982/1983.**

**SENARAI NAMA JAWATANKUASA  
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, 1982 – 1983**

- Yang Di Pertua** : *Y.A.B. Dato' Mohd. Isa bin Dato' Hj. Abd. Samad, DSNS, PMC., Menteri Besar Negeri Sembilan.*
- Naib Yang Di Pertua** : *Yang Berbahagia Pengarah Pelajaran Negeri Sembilan. (Dr. Wan Mohd. Zabid bin Mohd. Noordin, KMN, PPT) sehingga 31.12.1982. (Encik Khalid bin Mohd. Jamin, KMN, BSI, PIS, PJK) mulai dari 1.1.1983.*
- Setiausaha Kehormat** : *Encik Ismail bin Abdul Hadi, AMN, PJK.*
- Penolong Setiausaha** : *Encik Abdul Aziz bin Salleh.*
- Bendahari** : *Encik Tan Ghee Peng, AMN.*
- Ahli Jawatankuasa** : *Encik Nordin bin Bakeri.  
Encik Hasbim bin Jasa, AMN.  
Tuan Syed Jaafar bin Syed Abd. Rahman, PJK.  
Tuan Hj. Mohd. Arif bin Osman.  
Puan Kamariah bte Hj. Sabeh.*
- Pengerusi Daerah** : *Tuan Hj. Hisham bin Hj. Omar (Tampin).  
Encik Mohd. Zabidin bin Sidek (Kuala Pilah).  
Encik Abdullah bin Salleh (Rembau).  
Encik Mohd. Mokhtar bin Mohd. Nor, PJK (Seremban).  
Encik Mazlan bin Abdullah, AMN, PJK (Jejebu) sehingga 31.8.82.  
YB. Encik Abd. Kadir bin Kassim, AMN, PMC, PJK (Jejebu).  
Encik Othman bin Hj. Abu Bakar (Port Dickson).  
Encik Idris bin Hussein (Jempol).*
- Pemeriksa Kira-Kira** : *Encik Abu Bakar bin Yabya, AMN, PPN, PMC, PJK.  
Encik Mohd. Zain bin Hj. Rais, PJK.*

**JAWATANKUASA KECIL PENYELIDIKAN  
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, 1982 – 1983**

- Pengerusi** : *Tuan Hj. Mohamed Nor bin Long, PMC.*
- Ahli Jawatankuasa** : *Tuan Hj. Mohd. Arif bin Osman.  
Dato' Hj. Mohd. Sharif bin F. Hassan, PPN, PJK.  
Encik Nordin bin Bakari.  
Encik Abdul Aziz bin Salleh.  
Encik Ibrahim bin Mustafa.  
Puan Kamariah bte. Hj. Sabeah.  
Puan Noraini bte. Ali, PJK.  
Puan Ecbam bte. Hj. Hassan.*

**JAWATANKUASA KECIL PENERBITAN  
PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, 1982 – 1983**

- Pengerusi** : *Encik Hashim bin Jasa, AMN.*
- Setiausaha** : *Encik Ramthan bin Hj. Maarof, PJK.*
- Pen. Setiausaha** : *Encik Mohd. Misan bin Mastor.*
- Ahli Jawatankuasa** : *Dato' Hj. Mohd. Sharif bin F. Hassan, PPN, PJK.  
Encik Abd. Hamid bin Idris.  
Encik Mustafa bin Hj. Sharif.  
Encik Mohd. Hisa bin Tabat.  
Encik Tan Gbee Peng, AMN.  
Encik Ahmad bin Sibat.  
Encik Mazlan bin Abdullah, AMN, PJK.  
Encik Ibrahim bin Mustafa.  
Cik Vicki Muttu, PPN, PPT, PJK.  
Puan Hj. Aishah bte. Md. Sharif.  
Puan Sbarifab Kintan bte. Syed Ali.*

## PEMBENTUKAN PENTADBIRAN JELEBU – AKHIR ABAD KE 19

Oleh

Othman bin Hj. Abu Bakar  
Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan

Sejak kemasukan British di Sungai Ujong pada tahun 1874, pengaruh British menular ke daerah-daerah lain di seluruh Negeri Sembilan termasuk Jelebu yang telah ditadbirkan di bawah Sungai Ujong sehingga tahun 1886. Selepas itu British juga telah menyatukan pentadbiran Jelebu dan Sungai Ujong dengan daerah-daerah lain iaitu Seri Menanti, Kuala Pilah, Rembau dan Tampin menjadi daerah yang lebih besar yang disebut Negeri Sembilan sekarang.

Pada mulanya seorang Residen British telah diletakkan di Sungai Ujong dan seorang Pegawai Pemungut Hasil (Collector) telah dihantar ke Jelebu. Pegawai Pemungut Hasil ini menjalankan pentadbiran sebagaimana yang dijalankan oleh Residen juga tetapi pentadbirannya tertakluk di bawah arahan Residen Sungai Ujong. Pada 1889, di Seri Menanti juga telah wujud satu persekutuan wilayah-wilayah kecil yang dinamakan Persekutuan Seri Menanti, R.N. Blend, seorang lagi Pegawai British telah diletakkan di Kuala Pilah untuk menjalankan tugas mengutip hasil di Persekutuan Seri Menanti ini. Selepas tujuh bulan bekerja di sana, Blend telah dianggap gagal menjalankan amanah pihak British (1). Oleh itu beliau telah digantikan dengan Martin Lister (2).

Lister sebagai seorang pegawai British yang bijak telah tinggal di Seri Menanti selama 10 tahun. Dalam tempoh ini beliau telah berjaya menyatukan wilayah-wilayah yang kecil di sekitar Seri Menanti, iaitu Kuala Pilah, Ulu Muar, Terachi, Gunung Pasir, Johol, Inas, Gemencheh, Rembau dan Tampin sebagai sebuah persekutuan yang dinamakan Negeri Sembilan.

Setelah terbentuk Negeri Sembilan pada 1889 ini, Kerajaan British telah menjadikan beberapa wilayah kecil ini kepada dua daerah yang lebih besar. Satu darinya ialah Kuala Pilah yang mengandungi wilayah-wilayah Gunung Pasir, Terachi, Inas, Seri Menanti dan Johol, dan satu lagi daerah Tampin yang mengandungi Rembau, Tampin dan Gemencheh (3).

### Percantuman Jelebu – Negeri Sembilan.

Dalam penubuhan Negeri Sembilan yang baharu itu Jelebu dan juga Sungai Ujong tidak dimasukkan ke dalam Negeri Sembilan. Kedua-dua daerah ini telah disatukan di bawah tadbir seorang Residen British di Sungai Ujong. Kalau ditinjau semula bahawa kesatuan dua daerah ini juga tidak mempunyai ikatan yang rasmi, cuma pada waktu Jelebu mula dinaungi British seorang Pegawai British yang bertanggungjawab kepada Residen Sungai Ujong telah dihantar untuk menadbir Jelebu. Datuk Undang dan seorang wakil Cina bernama Poh Ah Soh juga telah dilantik menjadi ahli Majlis Negeri yang bertempat di Sungai Ujong (4). Oleh itu dapat dikatakan bahawa secara tidak langsung Jelebu telah diletakkan di bawah tadbir Sungai Ujong.

- 
- (1) .....*action has been taken there without my sanction, in fact in a manner opposed to my policy: some chiefs that I wished to concillate have been alienated. Sharifa Khan, op. cit. hal. 391*
  - (2) *Martin Lister (1857–1897), mula sampai ke Tanah Melayu sebagai ahli pertanian muda, pada tahun 1883. Beliau telah berkhidmat dengan Jabatan Perkhidmatan Awam British pada 1 September 1884 sebagai Setiausaha kepada Hugh Low di Perak. Pada November 1885 beliau telah memegang tugas Pemungut Hasil dan Hakim di Kuala Selangor. Pada Disember 1885 beliau telah bertugas pula di Ulu Selangor. The Native List. 1891, S'pore, 1891. Sharifa Khan, Ibid. hal. 204*
  - (3) *AR— on Negeri Sembilan, 1893. c. 7546. hal. 91*
  - (4) *Sharifa Khan, op. cit. hal. 212*



W.F.B. Paul telah menjadi Residen bagi daerah Sungai Ujong dan Jelebu pada tahun-tahun 1881 hingga 1893. Kesihatan beliau telah terganggu pada masa akhir-akhir pentadbirannya. Oleh itu Jelebu dan Sungai Ujong dikatakan tidak dapat ditadbirkan dengan sempurna. Pemangku Gabenor, J.F. Dickson, telah mencadangkan supaya Sungai Ujong dan Jelebu dimasukkan ke dalam Persekutuan Negeri Sembilan. Beliau menegaskan dengan cara ini kerajaan akan dapat mengurangkan perbelanjaan untuk seorang Residen dan pegawai-pegawainya. Selepas itu S.C. Smith, Gabenor Negeri-Negeri Selat pula telah mencadangkan Jelebu bersama Sungai Ujong dimasukkan ke dalam pentadbiran Selangor. Beliau berpendapat bahawa Selangor yang lebih kaya dengan hasil bijih timahnya akan berkemampuan untuk menanggung hutang dan perbelanjaan Jelebu dan Sungai Ujong. Beliau juga tidak bersetuju Jelebu dan Sungai Ujong dimasukkan ke dalam Negeri Sembilan yang lebih miskin dari kedua-dua daerah itu, kerana percantuman ini mungkin akan memburukkan lagi keadaan Jelebu dan Sungai Ujong. Oleh itu pada bulan Mei 1893, iaitu bila Paul bersara, Egerton sebagai Pegawai Penguasa dari Selangor telah dihantar ke Sungai Ujong untuk mentadbir kedua-dua daerah itu di bawah arahan Residen Selangor.

Perubahan yang berlaku ini telah menggemparkan pembesar kedua-dua daerah itu. Pembesar-pembesar dan rakyat kedua-dua daerah itu telah menyatakan keengganan mereka untuk disatukan dan diletakkan di bawah pentadbiran Selangor. Sebagaimana komen Lister,

‘In Sungai Ujong and Jelebu alike the arrangement was not distinctly unpopular’. (5)

Bila Charles Mitchel menggantikan Smith pula, soal ini dibangkitkan semula. Mitchell berpendapat bahawa Jelebu dan Sungai Ujong yang mempunyai sejarah yang sama dengan wilayah-wilayah Negeri Sembilan yang lain, lebih praktik sekiranya disatukan dengan Negeri Sembilan. Penyatuan ini mungkin akan lebih bererti dan lebih mudah dijalankan. Beliau juga telah memberikan pandangan bahawa beberapa kebaikan akan didapati sekiranya kedua-dua daerah ini disatukan dengan Negeri Sembilan. Keluasannya yang akan menjadi 2,660 batu persegi akan merupakan keluasan sebuah negeri kecil yang munasabah. Dengan memakai seorang Residen juga katanya, akan memudahkan pentadbiran serta menjimatkan perbelanjaan (6). Untuk menguatkan lagi rancangan ini beliau telah berunding dengan Lister dan meminta persetujuannya untuk menjadi Residen British yang pertama bagi negeri ini (7).

Setelah mendapat sokongan dan persetujuan dari Lister, Mitchell telah melawat Negeri Sembilan dan Sungai Ujong untuk mendapatkan persetujuan dari pembesar-pembesar negeri. Walaupun perundingan beliau telah mendapat persetujuan dari Yamtuan Muhammad, Seri Menanti dan Datuk Bandar Ahmad sebagai Pemangku Datuk Kelana Sungai Ujong, Datuk Undang Rembau dan Datuk Undang Johol, tetapi cadangan Mitchell ini telah ditentang oleh Datuk Undang Jelebu. Datuk Undang Jelebu telah menyatakan bahawa beliau tidak suka daerahnya disatukan dengan daerah-daerah Negeri Sembilan yang lain. Berbagai-bagai alasan telah diberikan tetapi yang lebih jelas ialah kerana beliau tidak suka kepada sikap raja-raja di Seri Menanti yang selalu melakukan perbuatan yang bertentangan dengan peraturan Jelebu dan peraturan daerah-daerah Datuk Undang yang lain. Sikap Yamtuan Abdullah di Jelebu dan sikap Yamtuan Antah di Seri Menanti telah dijadikannya contoh sebab-sebab Jelebu tidak suka disatukan dengan Seri Menanti. Beliau takut perkara-perkara buruk seperti dahulu itu akan berulang. Oleh itu beliau menegaskan bahawa

- 
- (5) AR— on states of Sungai Ujong and Jelebu, 1894—C. 7877. bal. 70  
(6) Gaji seorang Residen ialah \$4,800/— dan ditambah elau sebanyak \$600/—. Kalau tidak memakai Residen Kerajaan British dapat menjimatkan belanja sebanyak \$5,400/—.  
(7) Lister terkenal sebagai seorang pegawai yang mabir dengan pembesar-pembesar Melayu. Kecekapannya dalam bidang ini memang sukar ditandingi.

Jelebu tetap berpegang teguh pada perjanjian antara Datuk-Datuk Undang dengan Yamtuan Antah yang telah dibuat pada 1876, iaitu perjanjian yang memisahkan kuasa antara Datuk-Datuk Undang dengan Yamtuan Seri Menanti (8). Langkah Datuk Undang Jelebu ini telah diikuti pula oleh Tengku Besar Tampin. Kedua-dua pembesar ini telah bertahan tanpa memberikan sebarang keputusan (9).

Walaupun terdapat keengganan pembesar-pembesar daerah untuk menyatukan Jelebu dan Sungai Ujong ke dalam Negeri Sembilan, namun rancangan British tetap juga berjalan. Pada bulan Jun 1895, satu perjanjian untuk penubuhan ini telah ditandatangani oleh Yamtuan Muhammad, Datuk Undang Johol, Tengku Besar Tampin dan Datuk Undang Rembau (10). Akhir sekali bantulah diperolehi tandatangan Datuk Undang Jelebu dan Datuk Bandar Sungai Ujong. Setelah semuanya menurunkan tandatangan, Negeri Sembilan baharu yang lebih besar pun terbentuk. Martin Lister telah dilantik menjadi Residen British yang pertama di Negeri Sembilan. Pejabat beliau telah ditempatkan di Seremban dalam daerah Sungai Ujong. Untuk memudahkan pentadbiran, Negeri Sembilan yang baharu ini telah dibahagi-bahagikan kepada lima daerah, iaitu daerah-daerah Seremban, Jelebu, Kuala Pilah, Tampin dan Kawasan Pantai (Port Dickson sekarang). Sejak masa ini wujudlah Jelebu sebagai sebuah daerah di Negeri Sembilan. Bagi menjalankan pentadbiran, seorang pegawai yang bergelar Pegawai Daerah Jelebu telah diletakkan di Kuala Klawang. Pegawai ini ditugaskan untuk menjalankan pentadbiran daerah Jelebu dan bertanggungjawab kepada Residen British Negeri Sembilan, di Seremban.

Pada umumnya seorang Pegawai Daerah ditugaskan untuk memungut hasil (11), menjalankan keadilan, menguruskan hal tanah, mengawas semua Ketua Jabatan dalam daerahnya. Pegawai Daerah juga dikehendaki mengawas segala kegiatan jabatan-jabatan lain sekiranya jabatan itu tidak mempunyai ketua yang boleh bertanggungjawab. Jabatan-jabatan yang terdapat pada peringkat awal itu ialah Pejabat Bendahari, Jabatan Kerja Raya, Jabatan Ukur, Pejabat Tanah dan Balai Polis. Apabila penduduk bertambah ramai beberapa institusi sosial juga telah diwujudkan. Institusi-institusi ini telah memberikan perkhidmatan seperti rumah sakit, lembaga bandaran, sekolah-sekolah dan jabatan yang menguruskan hal ehwal orang-orang Cina. Oleh itu perkembangan bidang-bidang ini juga menyebabkan tugas-tugas Pegawai Daerah telah bertambah. Seseorang Pegawai Daerah itu dikehendaki mempunyai maklumat-maklumat yang lengkap mengenai jalan-jalanraya, jalan-jalan kecil, sungai-sungai, kampung-kampung dan segenap ceruk rantau kawasannya. Mereka juga perlu mengetahui apa yang diperlukan oleh daerahnya masing-masing.

Selain dari itu seseorang Pegawai Daerah juga dikehendaki membiasakan diri dengan alam sekelilingnya, mempelajari adat istiadat orang-orang tempatan dan bekerjasama dengan Pembesar-pembesar Melayu. (12) Mengetahui satu atau dua bahasa tempatan juga adalah penting. Dalam soal ini arahan yang dibuat oleh Maxwell untuk panduan seseorang Pegawai Daerah terhadap jabatan-jabatan lain di daerahnya telah digunakan juga di Jelebu. Sebagaimana yang tercatat dalam arahan itu (13).

- 
- (8) Sila lihat peristiwa 'Perang Bukit Putus' William Jalleh. *Warisan*. Bil.2 Disember, '75 hal. 12.
  - (9) Menurut Mitchell tandatangan Datuk Undang Jelebu sangat sukar diperolehi. Beliau mengemukakan beberapa bingkangan, tetapi kebanyakan alasannya semata-mata kerana tidak percaya kepada Raja-raja Seri Menanti. *Sec. File*, 1416/95.
  - (10) Tandatangan pembesar-pembesar ini tidak didapati serentak: Yamtuan Muhammad pada 20 Jun, Datuk Johol pada 22 Jun, Datuk Serun, Rembau pada 24 Jun, dan Tengku Besar Tampin pada 25 Jun 1895.
  - (11) Antara basil-basil yang dipungut ialah cukai tanah, lesen-lesen, cukai kastam, kutipan dari pos dan telekom, wang dari denda-denda mahkamah dan lain-lain bayaran lagi. Pada 1898, basil daerah telah bertambah lagi dengan adanya lesen ternakan dan lesen basil butan. *States of Enactment of 1898*, R.C. 3081/98.
  - (12) Di Jelebu: Pegawai Daerah keluar melawat ke kawasan-kawasan yang lebih jauh seperti Kenaboi, Jerang, Pertang dan lain-lain tempat sekurang-kurangnya sekali dalam sebulan. *Laporan bulanan dan tahunan, 1889-1897. Fail Resdt. N.S.*
  - (13) *Minute by the Resident of Selangor for the guidance of District Officers*, 8 May 1890 SGC, 16 May 1890. *Libat juga Sadka, The Protected Malay States UM. Press, K.L., 1968. hal. 220.*

'Seseorang Pegawai Daerah tidak harus mengganggu pekerja-pekerja yang diarahkan oleh Ketua Jabatan Kerja Raya tetapi perlu berbicara dengan Ketua Jabatan itu sekiranya memikirkan sesuatu projek itu membazirkan kewangan atau terdapat pemborong-pemborong yang tidak mengikut arahan. Oleh itu dari masa bila berada di tempat buruh-buruh itu bekerja harus memeriksa kedatangan buruh dan memastikan apa yang mereka kerjakan. Di rumah sakit, Pegawai Daerah tidak berhak mengganggu pekerja-pekerja di bawah arahan Pegawai Perubatan, tetapi menjadi tugasnya membuat beberapa lawatan, memeriksa makanan dan memerhatikan sekiranya pekerja-pekerja tidak hadir atau cuai menjalankan tugas. Begitu juga dalam bidang polis, Pegawai Daerah tidak berhak mengganggu tugas disiplin mereka, tetapi beliau ialah orang yang bertanggungjawab untuk menghapuskan jenayah dan mengeluarkan perintah di daerah ini. Oleh itu perintahnya kepada polis mesti dipatuhi

Di samping tugas-tugas ini terdapat dua tugas yang tidak disebutkan, iaitu Pejabat Bendahari dan Pejabat Tanah. Dua pejabat ini sebenarnya ialah tugas yang diletakkan secara langsung di bawah Pegawai Daerah.

Residen pula akan bertugas sebagai penyelaras segala urusan yang datang dari Pegawai Daerah atau ketua-ketua jabatan yang lain mengenai urusan kerajaan. Pejabat beliau mengandungi beberapa orang kerani dan seorang kerani Melayu (Malay writer). Segala urusan surat menyurat dari pejabat-pejabat dan lain-lain jabatan, dari orang-orang perseorangan serta dari Kerajaan Negeri-negeri Selat, akan dihantar terlebih dahulu ke Pejabat Residen. Di Pejabat Residen ini baharulah semua perkara itu diuruskan dengan minit-minit yang lengkap, dan arahan-arahan yang lebih lanjut. Sekiranya perlu fail-fail ini juga akan diadarkan kepada pihak-pihak yang berkenaan.

Selain itu Residen juga dikehendaki mengenali semua pegawai-pegawai dan pembesar-pembesar dalam negerinya, menghubungi rakyat, memerhatikan semua bidang supaya sebarang penindasan tidak berlaku dan menyelesaikan sebarang perbalahan dengan segera. Dalam hal ini terdapat beberapa lawatan Residen ke Jelebu untuk menemui pembesar-pembesar daerah, membuka kampung-kampung baru, malah pernah berkelah dan menuba ikan. Untuk menjayakan tugas-tugas ini Residen harus menandingi sikap yang dikatakan 'Wandering Jew', supaya dapat menanamkan kepercayaan kepada orang ramai bahawa Residen merupakan orang yang berada di mana-mana sahaja dan mudah ditemui untuk mendapatkan pertolongan, simpati dan nasihat (14).

Setelah wujud jawatan Pegawai Daerah dan Residen Negeri ini, maka satu badan pentadbiran peringkat negeri yang dinamakan 'Majlis Negeri Sembilan' telah ditubuhkan. Ahli-ahli Majlis ini ialah: Residen British Negeri Sembilan, Yamtuan Muhammad Seri Menanti, Datuk Bandar Sungai Ujong, Datuk Undang Syed Ali dari Jelebu, Datuk Serun dari Rembau, Datuk Undang Wan Omar dari Johol, Tengku Muda Chik dari Seri Menanti, Tengku Besar Dewa dari Tampin, Datuk Muda Muhammad Bastam dari Linggi, Kapitan Cina Chi Woh dan Kapitan Cina Lee Sam (15).

---

(14) Clifford, *Sir Hugh, Life In The Malay Peninsula, Proceedings of The Royal Colonial Institute, Vol. iv (1897), Sadka, Ibid*

(15) *Sbarifa Khan, op. cit. hal. 219*

Dilihat dari segi pentadbiran pula walaupun British telah menduduki daerah ini selama lebih 10 tahun, tetapi pentadbiran belum dapat dikatakan sempurna sehingga tahun 1897. Pada tahun itu Bathurst yang datang sebagai Pegawai Daerah Jelevu, telah membuktikan bahawa pentadbiran British di Jelevu masih belum sempurna. Beliau telah melaporkan keadaan pentadbiran di Jelevu amat mendukacitakan (16).

Dari laporannya dapat disaksikan bahawa Pejabat Daerah, Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Ukur tidak mempunyai pegawai-pegawai yang boleh bertanggungjawab. Beliau juga telah melawat beberapa buah sekolah di Jelevu. Dilaporkan bahawa Sekolah Ulu Klawang dan Sekolah Teriang berkeadaan sangat buruk. Di Balai Polis Titi pula, didapati rumah kediaman mata-mata yang berkeluarga hanya enam buah sahaja, sedangkan mata-mata yang ditempatkan di situ mempunyai dua belas keluarga. Dalam laporan ini juga Bathurst menyatakan bahawa hanya penjara-penjara dan rumah sakit di Jelevu yang ditadbirkan dengan baik.

Bathurst sebagai seorang pegawai yang gigih dan berkebolehan telah membaiki keadaan ini dalam tahun itu juga. Segala kelemahan-kelemahan pejabat yang disebutkan telah dibaiki dan caruman-caruman perbelanjaan juga telah disesuaikan dengan mengutamakan perkara-perkara yang lebih penting. (17) Memandangkan pekan Jelevu yang berkeadaan kurang teratur, beliau telah memperkenalkan 'Sanitary Board' sebagai satu badan yang ahli-ahlinya sama-sama bertanggungjawab dan bertugas untuk membaiki pekan itu. (18) Melalui badan ini juga beliau telah mendapat sokongan dan kerjasama dari pihak-pihak lain iaitu dari saudagar-saudagar lombong orang-orang Cina dan orang-orang Melayu.

Segala sumbangan yang telah diberikan oleh Bathurst merupakan nafas baru kepada pentadbiran British di Jelevu. Sehingga menjelang abad ke 20, Jelevu dapat dikatakan sebagai sebuah daerah yang telah mempunyai asas beberapa institusi-institusi pentadbiran yang sempurna dan telah bersedia menempuh zaman perkembangan selanjutnya.

Bila Lister meninggal, E.W. Birch telah menggantikannya sebagai Residen British Negeri Sembilan yang kedua. Waktu itu sekali lagi berlaku perubahan yang menggemparkan pembesar-pembesar Melayu kerana Birch yang baharu saja menjadi Residen itu telah mencadangkan supaya Negeri Sembilan memakai seorang pembesar sahaja. Beliau menerangkan bahawa cara ini dapat menyelamatkan beliau mengadap keempat-empat Datuk Undang itu untuk mendapatkan kebenaran bagi menjalankan sesuatu urusan. Beliau mencadangkan agar Yamtuan Muhammad Seri Menanti dilantik sebagai Yamtuan Negeri Sembilan. Perkara ini telah dikemukakan kepada Yamtuan Muhammad dan didapati baginda sangat bersetuju.

Pada Hari Raya Puasa tahun itu juga (T.M. 1898), Yamtuan Muhammad telah menjemput semua Datuk-Datuk Undang hadir menyaksikan 'Istiadat Menyembah' di Seri Menanti. Didapati hanya Datuk Johol yang hadir. Datuk-Datuk Undang yang lain berpendapat mereka tidak lagi terikat dengan Yamtuan Seri Menanti sejak peristiwa dan perjanjian yang telah dibuat dengan

---

(16) *I found that the office staff consisted of the acting Financial Assistant Mr. Donough and three clerks. In survey office there was no surveyor, no demarcator, and no plans not have been, so that department may be said to non existed during month. In the Public Works Department Office, I found no Chief Oversear, no provided for in the estimates and the clerk the only representative of the department was absent on leave. Monthly report of July 1897. Resdt. Office Jel. 2071/97*

(17) *peruntukan Balai Polis Bukit Tangga telah ditukarkan kepada rumah keluarga Polis di Titi. peruntukan lain yang difikirkan kurang penting telah diubahsuai. Libat Minutes of the First Meeting of the Jelevu Sanitary Board held on the 25 August 1897. Office Jel. 2281/97.*

(18) *'Sanitary Board' ditubuhkan oleh Bathurst pada Julai 1897. Ahli-ahlinya 4 orang Eropah. 1 wakil Cina bernama Ban Chin Poh dan 1 wakil Melayu iaitu Datuk Paduka. Ibid.*

Yamtuan Antah pada 23 November 1876 dahulu. (19) Alasan ini juga telah digunakan oleh Datuk Undang Jelebu waktu beliau menolak untuk dimasukkan ke dalam Negeri Sembilan. Mereka juga mengatakan tindakan ini telah bersalahan dengan apa yang tercatat dalam Perlembagaan Negeri Sembilan, 1895 yang telah dibuat bersama British. (20) Dalam pada itu Yamtuan Muhammad telah menjemput Datuk-Datuk itu sekali lagi pada Hari Raya Haji yang berikutnya. Jemputan ini juga telah ditolak. Memandangkan kegagalan Yamtuan ini Birch telah masuk campur dengan memanggil semua Datuk-Datuk ini ke Residen di Seremban. Pada kali ini mereka tidak berupaya lagi untuk menentang kehendak Birch. Mereka terpaksa bersetuju dengan rancangan itu. Selain dari itu mereka juga telah bersetuju untuk menabalkan Yamtuan Muhammad yang masih belum ditabalkan. Dalam perjanjian itu 3 perkara penting telah dinyatakan, pertama Datuk-Datuk Undang adalah bebas merayakan Hari Raya Puasa dan Hari Raya Haji di daerah masing-masing. Kedua, Datuk-Datuk Undang bersetuju bahawa pada hari kemangkatan Yamtuan, Datuk-Datuk Undang Yang Empat akan membawakan emas atau wang sebanyak \$1,000/- sebagai persembahan. Wang ini akan dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri Sembilan. (21) Ketiga, perjanjian ini juga telah mengesahkan bahawa kuasa pemilihan pengganti Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan adalah hak Datuk-Datuk Undang Yang Empat. Sementara itu pemilihan pula hendaklah dibuat dari keluarga Di Raja di Seri Menanti.

Setelah perjanjian itu ditandatangani pada 29 April 1898, penabalan Yamtuan Muhammad sebagai Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan pula dijalankan. Hari penabalan itu telah dihadiri oleh Datuk-Datuk Undang, kecuali Datuk Undang Johol yang sedang sakit (22). Datuk Bandar Sungai Ujong, Tengku Besar Tampin dan Datuk-Datuk yang lain juga telah hadir dalam istiadat itu. Datuk-Datuk ini telah menyembah Yang Di Pertuan Besar Negeri Sembilan, seorang demi seorang mengikut giliran masing-masing.

Bertolak dari tarikh penabalan ini, iaitu pada 7 Mei 1898, maka Yamtuan Seri Menanti pun telah dijadikan sebagai Yang Di Pertuan Besar bagi Negeri Sembilan. Perubahan ini juga telah

- 
- (19) Bila Yamtuan Iman mangkat, 1869 Tengku Ahmad Tunggal puteranya tidak dipilih oleh Datuk-Datuk Undang dan Orang Empat Istana bagi menggantikan al-marhum; sebaliknya melantik Tengku Antah, sepupu Tengku Ahmad Tunggal. Tengku Ahmad lari ke Sungai Ujong minta bantuan. Dengan bantuan Sungai Ujong dan British Tengku Ahmad serang Seri Menanti, Yamtuan Antah kalah dan lari ke Johor. Waktu ini Datuk-Datuk Yang Empat mengisytiharkan kemerdekaan masing-masing dan tidak lagi Yamtuan Seri Menanti sebagai raja mereka. Dengan nasihat Gabenor Negeri-Negeri Selat, Yamtuan dirajakan semula di Seri Menanti, tetapi perjanjian terpaksa dibuat dengan Datuk-Datuk Undang bahawa baginda tidak lagi berkuasa ke atas Sungai Ujong, Jelebu, Rembau, Tampin dan Johol.
- (20) Mereka berpegang teguh kepada Art. 3 dalam perlembagaan Negeri Sembilan yang menerangkan Mahkamah Datuk Undang sebagai mahkamah yang tertinggi.
- (21) Seorang pegawai di Pejabat Tanah Jajahan telah mengatakan bahawa wang ini tidaklah merupakan bayaran yang berat sangat kalau dibandingkan dengan keharmonian yang tercapai.
- (22) Datuk Undang Johol telah diwakili oleh Datuk Baginda Tan Amas.

menjadikan taraf Yang Di Pertuan Besar lebih tinggi dari Datuk-Datuk itu serta mempunyai taraf yang sama dengan Sultan di Negeri-Negeri Melayu yang lain. (23)

Bagi pihak British pula mereka telah berjaya menyatukan wilayah-wilayah kecil di Negeri Sembilan yang telah berpisah di antara satu sama lain dan telah dapat juga meletakkan Yang Di Pertuan Besar sebagai tunggak pentadbiran dalam negeri. Perubahan ini telah memudahkan British menjalankan pentadbiran dan menyambung kegiatan politik selanjutnya di samping memperkenalkan beberapa kegiatan ekonomi dan sosial. Untuk menjalankan tugas-tugas ini British juga mengadakan alat-alat negeri yang boleh menjamin pentadbirannya akan berjalan terus tanpa sebarang gangguan. Oleh itu dalam masa yang sama pihak British juga telah mengadakan pasukan polis bagi daerah Jelebu dan sebuah penjara yang lengkap bagi orang-orang salah yang dibina di Kuala Klawang.

---

(23) · Perubahan taraf ini juga telah mengubahkan elaun pembesar-pembesar di Negeri Sembilan, iaitu Yang Di Pertuan Besar mendapat \$6000/- setahun, Datuk Kelana Sungai Ujong \$2400/-, Datuk Undang Jelebu \$1920/- dan Datuk-Datuk Undang Rembau, Johol serta Tengku Besar Tampin masing-masing mendapat \$1800/- setahun. Sharifa Khan, *op. cit.* hal. 227.

**NAMA BARU JALAN-JALAN  
BANDAR SEREMBAN**

Nama Sekarang	Nama Yang Dicadangkan
<b>PUSAT BANDAR</b>	
Jalan Templer	Jalan Tun Dr. Ismail
Jalan Birch	Jalan Dato' Bandar Tunggal
Jalan Paul	Jalan Yam Tuan
Jalan Lemon	Jalan Tuanku Munawir
Jalan Tuan Sheikh	Jalan Dato' Sheikh Ahmad
Jalan Cameron	Jalan Dato' Lee Fong Yee
Jalan Tunku Hassan	Jalan Tunku Hassan (tiada perubahan)
Jalan Wilsinson	Jalan Dato' Abdul Rahman
Jalan Carew	Jalan Dr. Krishnan
Murray Street	Jalan Kapitan Tam Yeong
Jalan Lee Sam	Jalan Lee Sam (tiada perubahan)
Jalan Simpson	Jalan Dr. Samuel
Jalan Lister	Jalan Dato' Hamzah
Jalan Rahang	Jalan Tuanku Antah
Jalan Butler	Jalan Yazid Ahmad
alan Singapura	Jalan Siow Loong Hin
Jalan Sungai	Jalan Kong Sang
Jalan Dewan Bandaran	Jalan Utam Singh
Jalan Pasar	Jalan Pasar (tiada perubahan)
Jalan Wallich	Jalan Dr. Murugesu
Jalan Labu Spur	Jalan Sungai Ujong
Java Lane I	Lorong Jawa Satu
Java Lane II	Lorong Jawa Dua
Jalan Depan New International Hotel	Jalan Veloo
Jalan Bomba	Jalan Lim Kee Siong
Jalan Melaka	Jalan Dato' Abdul Kadir
Lorong antara kuil sikh dengan bangunan tambahan Majlis Perbandaran Seremban.	Lorong Khalsa

Nama Sekarang	Nama Yang Dicadangkan
<b>KAWASAN SIKAMAT</b>	
Jalan Dunman	Jalan Tuan Haji Said
Jalan Cemetery	Jalan Tunku Kurshiah
Jalan Channer	Jalan Dato' Siamang Gagap
Jalan Connection	Jalan Tok Dagang
<b>KAWASAN BAHANG</b>	
Jalan Hose	Jalan Za'aba
Jalan Berhala	Jalan Berhala (tiada perubahan)
Jalan Wise	Jalan Dato' Muda Linggi
Jalan Taman Bunga	Jalan Taman Bunga (tiada perubahan)
Jalan Egerton	Jalan Penghulu Chantik
Jalan Rahang Square	Jalan Medan Rahang
Jalan Keliling	Jalan Keliling (tiada perubahan)
Jalan Banks	Jalan Dr. Chong Ah Khoon.
Jalan Kiernan	Jalan Muti Ahmad
Lorong Green	Jalan Aminudin Baki
Jalan Gereja	Jalan Gereja (tiada perubahan)
Jalan Braddon	Jalan Tetamu
Jalan Singkat	Jalan Singkat (tiada perubahan)
Jalan Ridgeway	Jalan Raja Muda Ali
Jalan Loop	Jalan Tok Ungku
Jalan Mutton	Jalan Gan Tam
Jalan Wong Yik Tong	Jalan Dato' Wong Yik Tong
<b>KAWASAN RASAH</b>	
Jalan Rasah	Jalan Rasah (tiada perubahan)
Jalan Dr. Muthu	Jalan Dr. Muthu (tiada perubahan)
Jalan Bukit Rasah	Jalan Bukit Rasah (tiada perubahan)
Jalan Bukit Tembok	Jalan Bukit Tembok (tiada perubahan)



Nama Sekarang	Nama Yang Dicadangkan
<p><b>KAWASAN KAMPONG BARU JALAN DATO' KLANA</b></p> <p>Jalan Dato' Klana Jalan Kilat, Jalan Swettenham Jalan Dato' Bandar</p>	<p>Jalan Dato' Kelana Ma'amor Jalan Kilat (tiada perubahan) Jalan Dato' Abdullah Jalan Lt. Adnan</p>
<p><b>KAWASAN TEMIANG</b></p> <p>Jalan Limbok Atas Jalan Limbok Bawah Jalan Temiang Jalan Tembak Jalan Sasaran Jalan Tembak Batu Jalan Lobak Jalan Locke Jalan Cumming</p>	<p>Jalan Seng Meng Lee Jalan Quek Kai Dong Jalan Temiang (tiada perubahan) Jalan Han Hui Foong Jalan Muthu Cumaru Jalan Lam Teck Choon Jalan Manickavasagam Jalan Nunis Jalan Haji Abdul Hamid (Disatukan dengan Jalan Haji Abdul Hamid yang sedia ada)</p>

**LAPORAN TAHUNAN PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN 1982 – 1983**

**1 Jawatankuasa Kerja**

1.1	Yang Di Pertua	—	YAB Dato' Mohd. Isa bin Dato' Hj. Abd. Samad, DSNS, PMC.
1.2	Naib Yang Di Pertua	—	Pegarah Pelajaran N.S. (Dr. Wan Mohd. Zahid bin Mohd. Noordin, PPT)
1.3	Setiausaha Kehormat	—	Encik Ismail b. Abd. Hadi, AMN, PJK.
1.4	Pen. Setiausaha Kehormat	—	Encik Abd. Aziz bin Salleh
1.5	Bendahari	—	Encik Tan Chee Peng, AMN.
1.6	Jawatankuasa	—	Encik Nordin bin Bakri Encik Hashim bin Jasa, AMN. Tn. S. Jaafar b. S.A. Rahman, PJK. Tn. Hj. Mohd. Ariff bin Osman Pn. Kamariah bt. Hj. Sabeh
1.7	Pengarang	—	Encik Mazlan bin Abdullah, AMN, PJK.

**2. Mesyuarat Jawatankuasa**

Sepanjang tahun 1982 jawatankuasa telah mengadakan mesyuaratnya sebanyak 2 kali. Senarai kehadiran adalah seperti di bawah:

Bil.	Nama	Tarikh Mesyuarat		
1.	YAB. Dato' Mohd. Isa	H	H	2/2
2.	Dr. Wan Mohd. Zahid	H	H	2/2
3.	Encik Ismail	H	H	2/2
4.	Encik Abd. Aziz	TH	H	1/2
5.	Encik Tan Ghee Peng	H	H	2/2
6.	Encik Nordin	H	H	2/2
7.	Encik Hashim	H	H	2/2
8.	Tn. S. Jaafar	TH	TH	0/2
9.	Tn. Hj. Mohd. Arif	H	TH	1/2
10	Pn. Kamariah	H	H	2/2

Kedua-dua mesyuarat ini semua Pengerusi PSM/CNS peringkat Kawasan dan Urusetia Majlis Kebudayaan Negeri telah dijemput sebagai pemerhati dan jemputan khas. Tempat mesyuarat di Bilik Gerakan, Jabatan Pelajaran Negeri Sembilan.

**3. Jawatankuasa Biro-Biro**

PSM/CNS ini hanya ada dua biro, iaitu Penyelidikan dan Penerbitan.

### 3.1. Biro Penyelidikan

#### 3.1.1. Ahli Jawatankuasa

**Pengerusi:** Tuan Hj. Mohd. Nor Long, PMV  
**Setiausaha:** Encik Abd. Aziz Salleh  
**Jawatankuasa:** Encik Nordin Bakri  
Tuan Hj. Mohd. Arif Osman  
Tuan S. Jaafar S. A. Rahman, PJK  
Dato' Hj. Mohd. Sharif F. Hassan PPN, PJK  
Puan Kamariah Hj. Sabeh  
Puan Norini Ali  
Puan Echam Hj. Hasan

#### 3.1.2. Kegiatan

Biro ini meneruskan usaha dan projek yang telah dirancang di samping bekerjasama dengan projek PSM/CNS sendiri.

### 3.2. Biro Penerbitan

#### 3.2.1. Ahli Jawatankuasa

**Pengerusi:** Encik Hashim Jasa, AMN  
**Setiausaha:** Encik Ramthan Hi. Maarof, PJK  
**Jawatankuasa:** Dato' Hj. Mohd. Sharif, PPN, PJK  
Encik Tan Ghee Peng, AMN  
Encik Mustafa Hj. Sharif  
Encik Ahmad bin Sihat  
Encik Mohd. Hisa Tahat  
Cik Virki Mutti PPN, PPT, PJK  
Puan Hj. Aishah Md. Sharif  
Puan S. Kintan S. Ali

#### 3.2.2. Kegiatan

Biro ini telah dapat menerbitkan majalah 'Warisan'. Telah dicetak sebanyak 1,000 naskhah. Ianya telah diedarkan kepada ahli-ahli dan juga pihak-pihak berkenaan.

Di samping itu biro ini juga telah bekerjasama dalam menguruskan pertandingan mengarang sejarah.

Penerbitan majalah 'Warisan' seterusnya telah pun diatur di mana pengumpulan makalah telah dijalankan dan dijangka dapat diterbitkan tahun 1983.

### 4. Kegiatan Umum:

#### 4.1. Mini Muzium dan Pusat Kraftangan

Raja Negeri Sembilan telah membentuk Jawatankuasa Mini Muzium dan Pusat Kraftangan. PSM/CNS adalah menduduki Jawatankuasa ini. Satu kertas kerja berhubungan dengan pengisian ruang dalam bagi Mini Muzium dan Kraftangan itu telah disediakan oleh persatuan ini.

#### **4.2. Penukaran Nama Jalan**

Majlis Perbandaran Seremban telah membentuk satu Jawatankuasa Penukaran Nama Jalan dan Tempat bagi Perbandaran Seremban. PSM/CNS telah dilantik bersama menganggotai Jawatankuasa ini. Kerja-kerja penukaran nama ini telah selesai dan cadangan Jawatankuasa ini telah disampaikan kepada Kerajaan Negeri Sembilan untuk kelulusan EXCO.

#### **4.3 Berita Dari Jendela**

Sepanjang tahun 1982, berdasarkan kegiatan dan perkara-perkara yang melibatkan persatuan ini, maka Berita Dari Jendela hanya dapat diterbitkan sebanyak dua kali sahaja. Kebanyakan berita tersebut adalah sebahagian besarnya daripada kegiatan negeri. Diharap untuk masa hadapan akan banyak berita kawasan dapat dimuatkan untuk pengetahuan seluruh ahli. Sementara itu pihak PSM Pusat menyedut beberapa berita daripada Dari Jendela ini untuk dimuatkan pula ke dalam Berita PSM Pusat.

#### **4.4 Kuiz Sejarah Sekolah-Sekolah Negeri Sembilan**

Seperti tahun-tahun sebelumnya Persatuan ini adalah terlibat dan memberikan kerjasama erat bagi menjayakan pertandingan kuiz ini dari peringkat sekolah, Zon Kawasan, Negeri, Zon Selatan dan seterusnya ke peringkat Pusat.

Bagi tahun 1982 ini pertandingan peringkat Negeri Sembilan telah diadakan pada 3hb. April, 1983 bertempat di Dewan Sekolah Menengah Kebangsaan Ugama, Jalan Tunku Kurshiah, Seremban. Sekolah Menengah Dato' Sedia Raja, Rembau muncul sebagai johan merebut Tropi Pusingan, hadiah daripada KARYA BISTARI SDN. BHD. KUALA LUMPUR. Naib Johan ialah Sekolah Menengah Dato' Klana Putra, Lenggeng, Negeri Sembilan dan Sekolah Menengah Undang Jelebu mendapat tempat ketiga.

#### **4.5 Azam dan Citarasa 1983**

Memandangkan perkembangan yang begitu menggalakkan dan kegigihan setiap Ahli Jawatankuasa dan ahli-ahli persatuan ini begitu tinggi maka persatuan ini akan dapat mempertingkatkan lagi hasil sepertimana program-program yang telah disusun. Namun begitu kejayaan-kejayaan akan meningkat lagi dengan bantuan erat dan kerjasama daripada seluruh ahli.

**PERSATUAN SEJARAH MALAYSIA CAWANGAN NEGERI SEMBILAN**  
**Penyata Kira-Kira Tahun 1982 (Dari 1hb. Januari 1982 hingga 31hb. Disember 1982)**

**Penerimaan**

Baki pada 31.12.1981	3,919.12								
Yuran Ahli Institusi @ 30.00 x 16	480.00								
Yuran Ahli Perseorangan @ 15.00 x 3	45.00								
Sumbangan dari Yayasan NS	5,000.00								
Sumbangan Lain	8.00								
Bayaran diterima daripada jualan									
↳Warisan ke 6' @ 4.00 x 233	932.25								

**Perbelanjaan**

Sumbangan kepada Persatuan Sejarah Malaysia Pusat bagi tahun 1981	341.60
Alatujis	123.30
Setem	20.00
Percetakan ↳Warisan ke 6' x 1,000	3,123.80
Cenderamata-cenderamata kepada penulis-penulis makalah	450.00
Membeli terbitan-terbitan	21.00
Belanja mesyuarat AJK	20.00
Tambah ke mesyuarat Agung PSM pusat bagi 3 orang wakil PSMCNS	25.00
Cek dipulangkan oleh bank dan setem	4.75
Baki pada 31.12.1982	6,254.92

10,384.37

10,384.37

**Kunci Kira-Kira Tahun 1982 (Dari 1.1.1982 hingga 31.12.1982)**

**Harta**

<b>Tanggung</b>			
Lebihan penerimaan daripada perbelanjaan	2,335.80		
Baki daripada tahun 1981	3,919.12		
	<u>6,254.92</u>		
			<u>6,254.92</u>

Saya mengesahkan bahawa penyata dan kunci kira-kira di atas adalah benar.

t.t.

t.t.

(MOHD. ZAIN BIN H.J. RAIS PIJK)  
 Juruaudit Kehormat

(Tan Ghae Peng AMN)  
 Bendahari Kehormat